

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Kerajaan telah membangunkan sistem pendaftaran francais dalam talian. Insentif cukai juga diberikan kepada francais. Akhir sekali, francais mikro diperkenalkan di bawah program Francais Komuniti.
- Antaranya ialah kurangnya kefahaman terhadap sistem perniagaan francais, potensi, dan manfaat perniagaan ini dalam kalangan orang awam dan usahawan termasuk usahawan francais. Selain itu, penggiat francais tempatan didapati kurang mantap dalam pengurusan. Mereka juga menghadapi masalah modal, kemahiran, dan pengetahuan.

PBD Kemahiran Membaca

Kawasan luar bandar sentiasa menerima kemajuan daripada kerajaan. Keadaan ini patut diambil peluang oleh penduduk desa untuk melibatkan diri dalam industri desa. Usahawan desa digalakkan agar mempelajari dan menambah ilmu dalam bidang perniagaan, termasuk nilai-nilai murni. Pada masa yang sama, mereka perlu menggunakan peralatan dan teknologi moden dalam perniagaan mereka selain mempromosikan produk mereka di pasar-pasar raya utama. Usahawan desa juga haruslah saling bekerjasama bagi mewujudkan rangkaian pemasaran tempatan dan antarabangsa.

PBD Kemahiran Menulis

Malaysia kini menuju era perindustrian. Banyak kilang dibina di seluruh pelosok negara, bak cendawan tumbuh selepas hujan. Oleh itu, masyarakat amat digalakkan untuk membeli barangan buatan Malaysia.

Penganjuran Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia sejak tahun 1985 dapat melonjakkan pasaran barangan tempatan. Sokongan masyarakat terhadap kempen ini dapat membantu usahawan tempatan untuk membangunkan sektor perindustrian dalam negara. Misalnya, pembelian pakaian dan tekstil, makanan sejuk beku, dan automobil buatan tempatan. Oleh itu, kempen ini haruslah dilaksanakan secara berterusan.

Selain itu, barangan buatan Malaysia dijual dengan harga yang murah. Hal ini demikian kerana kebanyakan bahan mentah yang digunakan untuk menghasilkan produk itu merupakan bahan mentah tempatan. Tambahan lagi, tiada cukai import dikenakan kepada usahawan tempatan. Dari sisi lain, pengguna dapat menjimatkan perbelanjaan. Oleh itu, dengan membeli barangan buatan tempatan, kita dapat menjimatkan perbelanjaan untuk membeli barangan lain.

Barangan buatan tempatan juga berkualiti tinggi dan setanding mutu barangan import. Sebagai contoh, barangan daripada kulit seperti kasut, beg, dan dompet buatan negara kita tidak alah dengan barangan luar negara. Barangan ini menjadi buah tangan pelancong yang datang ke negara kita. Dengan demikian, imej negara kita dapat ditingkatkan.

Kesimpulannya, industri barangan tempatan memberikan banyak kebaikan kepada pelbagai pihak. Kita perlu bekerjasama untuk memajukan industri barangan tempatan agar Malaysia duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju.

PBD Aspek Tatabahasa

Kesalahan kata tugas	Pembetulan
1. supaya	untuk
2. bukan	tidak
3. di dalam	dalam
4. di	pada
5. pada	kepada
6. teramat	amat
7. pula	juga
8. sejak	dengan
9. di antara	antara
10. atau	dan